

SH 10/2/2020 m/s 15



PATIN GERGASI | Peserta Program Pesta Menjala Ikan, Arash

Muhammad Ahmad Sufian, 17, ceria memeluk ikan patin gergasi yang berjaya ditangkapnya di Kampung Lubuk Kawah, Lanchang dekat Temerloh semalam. Pesta berkenaan yang diadakan tiga tahun sekali adalah acara tradisi penduduk setempat apabila air empangan untuk pertanian dilepaskan menyebabkan paras air surut dan mudah untuk menjala ikan. Pesta selama dua hari itu turut disertai oleh peminat ikan air tawar dari seluruh negara, antaranya Kuala Lumpur, Selangor, Terengganu, Kelantan dan Johor yang sanggup datang walaupun jauh bagi merasai sendiri pengalaman berkubang sambil menjala ikan.